

OLEH YATIM
TAUBATAL ANDAM

KOTA KINABALU: Datuk Ilyas Ibrahim menyelar segelintir masyarakat yang membudayakan sikap 'buang dahulu dan kutip kemudian' apabila sewenang-wenangnya membuang sampah, termasuk di kawasan kediaman mereka.

Datuk Bandar Kota Kinabalu itu berkata ini adalah antara banyak sebab mengapa DBKK mengadakan pelbagai undang-undang anti sampah bagi memastikan budaya pengotor dapat diubah, seterusnya menjadikan penjagaan kebersihan sebahagian daripada amalan dan budaya hidup masyarakat.

Menurutnya, antara undang-undang itu Undang-Undang Kecil Anti sampah, pendidikan dan kesedaran, mewujudkan zon-zon tanpa sampah di kawasan sekolah, pejabat, premis makanan, taman perumahan, kampung dan kawasan komersil.

"Untuk menjadi masyarakat yang prihatin dan mencintai alam sekitar satu transformasi minda harus berlaku supaya masyarakat memiliki minda kelas pertama untuk menjaga kebersihan daripada terus kekal dengan tabiat membuang sampah sesuka hati," katanya.

Ilyas selar sikap m'rakat suka buang

NEW SABAH TIMES
1 Mei 2008



JAGA ALAM SEKITAR ... Ilyas menyampaikan sijil kepada seorang penceramah di Auditorium Kompleks Persekutuan Sabah, kelmarin.

Beliau berucap pada Seminar Transformasi Minda Terhadap Kebersihan Persekitaran di Auditorium Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Negeri Sabah di Teluk Likas, kelmarin.

Turut hadir ialah Pengarah JPSM DBKK merangkap Pengerusi Penganjur dan Seminar, Michael Samuel, Pengarah Hal Ehwal Korporat

DBKK, James Solida dan Mantan Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah, Datuk Haji Hassan Alban Sandukong dan penceramah jemputan.

Ilyas berkata, masyarakat perlu faham bahawa penjagaan alam sekitar termasuk tidak membuang sampah di tempat yang tidak dihaskan bukan sahaja memburukkan

pandangan awam, tetapi ia mengurangkan kualiti kosihatan mereka sendiri.

Menurutnya, ini kerana sampah yang tidak diurus dengan baik boleh mendatangkan banyak mudarat kepada masyarakat itu sendiri seperti penyakit bawaan vektor seperti denggi atau penyakit bawaan seperti keracunan makanan, taun, demam

kepialu dan hepatitis A.

"Sebagai anggota masyarakat, kita berkongsi dan bertanggungjawab penuh terhadap kebersihan persekitaran. Kita mestilah saling ingat mengingati dan menasihati antara satu sama lain tentang cara pembuangan sampah yang betul, bukannya merata-rata," katanya.

Menurutnya, paling mustahak kutu-kutu sampah perlu sedar bahawa mereka adalah sebahagian daripada anggota masyarakat bandaraya yang bertanggungjawab menjadikan persekitaran Kota Kinabalu sebagai bandaraya contoh, dikagumi dan menarik minat ramai pengunjung.

Selubungannya itu, beliau berharap peserta seminar akan menjadi duta anti kutu sampah Bandaraya Kota Kinabalu serta menjadi ikutan rakan, sahabat handai dan taman seperkhidmatan dari segi penjagaan kebersihan di mana sahaja mereka berada.